



TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI  
(AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN)  
DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION  
(ACADEMIC AND DEVELOPMENT)  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department Of Higher Education  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Ministry of Higher Education Malaysia  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Tel: 603-88706401  
Faks (Fax): 603-88706842  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT (A) 1000/021/014/01 Jld. 7 (22)  
Tarikh : 10 Mei 2023

**YBRS. PROF. DR. MOHD FO'AD SAKDAN**

Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
Aras 5, Bangunan Canselori  
06010 Sintok  
**KEDAH**

YBrs. Prof.,

**MAKLUMAN KEPADA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERHUBUNG  
KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI  
(JKPT) BIL.1/2023 PADA 10 APRIL 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)  
meluluskan permohonan UUM seperti berikut:

(a) Program Akademik Baharu

**Sarjana Muda Pengurusan Halal dengan Kepujian**  
*Bachelor of Halal Management with Honours*  
Sesi penawaran diluluskan: Semester 2, Sesi 2022/2023

(b) Perubahan Tempoh Pengajian Program Akademik

**Sarjana Muda Sastera Sejarah Gunaan**  
Sesi penawaran diluluskan: Semester 1, Sesi 2021/2022

(c) Perubahan Nama Program Akademik dan Perubahan Bidang  
National Education Code (NEC)

**Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains  
Pemutusan)**  
Sesi penawaran diluluskan: Semester 1, Sesi 2023/2024



(d) Perubahan Bidang National Education Code (NEC)

**Doktor Falsafah**

**Sesi penawaran diluluskan: Semester 1, Sesi 2023/2024**

(e) Penyelarasan Nama Program Akademik

**Senarai 2 program akademik diluluskan adalah seperti di Lampiran A**

3. Mesyuarat juga telah bersetuju untuk menangguhkan kelulusan permohonan UUM seperti berikut:

(a) Penawaran Program Secara Pesisir

i. **12 program akademik di ICATS West Campus a.k.a Inti College, Sarawak**

ii. **1 program akademik di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, Melaka**

iii. **8 program akademik di Kolej Antarabangsa Unifield (UIC), Negeri Sembilan**

Ulasan penangguhan kelulusan:

- i. Pihak UUM dimohon untuk mengemukakan tarikh kelulusan bagi permohonan ini daripada LPU. Kelulusan LPU adalah penting bagi penawaran program secara pesisir kerana melibatkan implikasi seperti kewangan, sumber manusia dan *risk management*;
- ii. Pemakluman bahawa ICATS West Campus a.k.a INTI College telah dinaik taraf kepada Kolej Universiti ICATS dan INTI College Sarawak telah berpindah lokasi ke Nilai; dan
- iii. Pihak UUM dimohon untuk membuat semakan semula permohonan ini dan mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak JPT sebelum kelulusan JKPT.


4. Untuk makluman YBr. Prof., tempoh sah laku kelulusan program akademik baharu adalah dalam dua (2) tahun daripada tarikh surat ini dikeluarkan. Kelulusan akan terbatal selepas tempoh berkenaan jika program akademik tersebut masih belum ditawarkan. UA perlu mengemukakan semula permohonan sebagai program akademik baharu bagi memastikan struktur kurikulum program tersebut masih relevan dan berdaya saing.

5. Penawaran program akademik ini juga hendaklah dilaksanakan dengan mengguna pakai sumber dalaman sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada Kementerian. Butiran kelulusan dan cabutan minit Mesyuarat JKPT Bil.1/2023 disertakan untuk rujukan dan makluman jua. Perhatian YBrs. Prof. berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATU' PROF. DR. NORZAINI BINTI AZMAN)

s.k.:

**TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**  
Universiti Utara Malaysia  
Aras 4, Bangunan Canselori  
06010 Sintok  
**KEDAH**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)  
Mercuri MQA,  
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya  
**SELANGOR**

## (a) Program Akademik Baharu

Perkara	Keterangan		
Program Akademik	Sarjana Muda Pengurusan Halal dengan Kepujian <i>Bachelor of Halal Management with Honours</i>		
Entiti Akademik	Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia		
Jam Kredit	124 jam kredit		
Tahap MQF	Tahap 6		
Kaedah Penyampaian	Konvensional dan 3u1i		
Bidang NEC	0414 <i>Management and Administration – Halal Industry Management</i>		
Kaedah Pengendalian/Tempoh Pengajian	Tempoh Pengajian	Minimum	Maksimum
	Sepenuh masa	4 tahun (8 semester)	5 ½ tahun (11 semester)
Tahun/ Sesi Penawaran	Semester 2 Sesi 2022/2023 <b>Diluluskan JKPT: Semester 2 Sesi 2022/2023</b>		
Implikasi	<u>Implikasi Kakitangan</u> Menggunakan perjawatan sedia ada.  <u>Implikasi Kewangan</u> Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian.  <u>Implikasi Fizikal</u> Menggunakan kemudahan sedia ada.		
Tarikh Kelulusan	Kelulusan Saringan Awal KPT	6 Julai 2022	
	Perakuan Akreditasi Sementara	29 Mei 2022	
	Senat	22 Ogos 2022	
	LPU	23 Oktober 2022	

- ① syarat (senat)
- ② kod UPU
- ③ Sistem UPU
- ④ PTPIN
- ⑤ Info yuran
- ⑥ Info taluan kufaya